

## MASJID SEBAGAI NUKLEUS DALAM PEMBENTUKAN MODAL SOSIAL

Aza Shahnaz Azman,<sup>1</sup> Fadilah Mat Nor,<sup>1</sup> & Junainah Idris<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Aza Shahnaz Azman. Faculty of Management and Muamalah, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: azashahnaz@kuis.edu.my.

### Abstrak

Masjid merupakan satu institusi yang berperanan dalam membentuk masyarakat bertamadun bermula dari zaman Rasulullah saw sehingga kini. Antara faktor yang menyumbang kepada kekuatan masjid ialah peranan utamanya iaitu sebagai medium komunikasi dalam Islam. Kekuatan ini diterjemahkan melalui keaktifan dalam menganjurkan program yang berunsur kemasyarakatan dan pendidikan sepanjang hayat. Artikel ini bertujuan melihat masjid menjadi satu nukleus yang mampu mempengaruhi masyarakat sekeliling sekaligus memartabatkan ajaran Islam. Pemboleh ubah keaktifan dijadikan proksi kepada peranan masjid sebagai sebuah institusi formal dan tidak formal dalam pembentukan modal sosial dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif primer dengan penganggaran menggunakan kaedah regresi hirarki. Dapatan awal menunjukkan bahawa faktor keaktifan ini adalah melalui ceramah, kuliah serta program kemasyarakatan mempengaruhi secara signifikan keatas institusi masjid itu sendiri. Walau bagaimana pun, pentafsiran ini perlu dibuat dengan hati-hati dengan mengambil kira inferens yang terlibat secara tidak langsung seperti komposisi pengurusan masjid dan pendidikan masyarakat setempat. Justeru, hasil kajian ini dapat membantu perancangan masjid dalam meluaskan lagi peranan dan membantu masyarakat dalam pembentukan modal sosial.

**Kata Kunci:** Masjid, Modal Sosial, Peranan Dan Masyarakat

## (MOSQUE AS A NUCLEUS IN THE FORMATION OF SOCIAL CAPITAL)

### Abstract

*The mosque is an institution that plays a role in shaping a civilized society starting from the time of Rasullullah SAW until now. It creates a form of social capital that contribute to the excellence of Islamic civilization. Among the factors that contribute to the strength of the mosque is its main role as a medium of communication of Islamic teachings. This strength is translated through the activeness in organizing community-based programs and lifelong learning to enhance the community. This article aims to highlight the mosque as a nucleus base that is capable of influencing the surrounding community and glorifying Islam's teachings. The activeness variable is used as a proxy for the role of the mosque as a formal and informal institution in the formation of social capital in society. This study uses a primarily quantitative approach with estimation using the hierarch regression method. Preliminary findings show that this activity factor through talks, lectures, and community programs significantly influences the institution of the mosque itself. However, this interpretation needs to be made carefully by taking into account inferences that are indirectly involved such as the composition of management and the education of the local community. Thus, the results of this study can help mosque planning to further expand its role and help the community in the formation of social capital.*

**Keywords:** Mosque, Social Capital, Function and Community

Received: October 27, 2022

Accepted: December 28, 2022

Online Published: December 31, 2022

### 1. PENGENALAN

Masjid merupakan satu ruang lingkup yang menempatkan ibadah khusus iaitu solat untuk kaum muslimin. Walaupun begitu, makna kata akarnya yang bermula dengan tunduk dan patuh, hakiknya masjid adalah tempat bagi melakukan segala ibadah iaitu *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*. Allah SWT berfirman melalui ayat al-Jin (72:18):

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

Maksudnya: *Sesungguhnya masjid-masjid itu adalah milik /Allah, kerana itu janganlah menyembah selain Allah sesuatu pun.*

Keterangan ayat di atas jelas menyatakan bahawa segala ibadah yang dilakukan hanyalah kerana Allah SWT. Dalam melaksanakan segala bentuk ibadah ini kepatuhan dan ketundukan hanyalah kepada Allah SWT. Masjid dijadikan sebagai satu ruang permulaan

dalam segala bentuk ibadah kepatuhan dan ketundukan ini yang mencakupi ibadah *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*. Ia tidak hanya dikhususkan kepada ibadah khusus sahaja malah ia di perluaskan ruang dan fungsi kepada aktiviti yang melibatkan kemasyarakatan. Masjid yang dijadikan ruang kepada segala bentuk aktiviti ini sebagaimana melalui firman Allah SWT melalui surah al-Taubah (9:18)

إِنَّمَا يَعْزَّمُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ  
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا لِلَّهِ ۗ فَاعْتَسَىٰ أَوْلِيًا لَّكُمُ الَّذِينَ يَكُونُوا مِنَ  
الْمُتَّئِدِينَ

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

Kejelasan daripada ayat di atas menyatakan masjid dijadikan sebagai tempat tumpuan bagi segala aktiviti yang membantu masyarakat kearah pembangunan jiwa dan pembangunan ummah melalui pengimarahkan masjid. Dengan kata lain, masjid adalah satu nukleus yang boleh dipusat utamakan atau *one stop center* di mana ia berperanan dalam membentuk modal sosial kepada masyarakat. Modal sosial yang akan menyumbang kepada kecemerlangan peradaban Islam. Pendefinisan ini lebih merujuk kepada satu fenomena dimana terdapatnya sistem nilai dan pembangunan di dalamnya. Walau pun tidak terdapat satu definasi yang khusus tentang modal sosial (Chen 2005), tetapi definasi am yang dipersetujui oleh ramai pengkaji tentang fizikal yang berpotensi dijadikan modal sosial menerusi masjid ialah ia merupakan satu institusi yang melibatkan struktur yang merangkumi norma sosial, kepercayaan sosial, amanah, kewajiban, hubungan, rangkaian, rakan-rakan, keahlian, penglibatan sivik, aliran maklumat, serta satu jalinan yang memupuk kerjasama dan tindakan kolektif bagi manfaat bersama dan menyumbang kepada ekonomi dan negara (Easterly dan Levine, 2001; Christoforou, 2005; Van Schaik, 2002; Guiso et al., 2006).

Keaktifan program masjid ini diprosikan kepada tiga kategori kumpulan aktiviti yang boleh dilakukan didalam ruangan masjid adalah seperti aktiviti keagamaan, aktiviti sosial dan juga aktiviti ekonomi (Muttaqin & As'adi.,2019). Menurut Norani & Abdullah., (2020); Nurdin (2019), hal yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah aktiviti yang wajib dilakukan di dalam masjid seperti solat berjemaah, forum, bengkel, ceramah, kuliah, dan semua pendidikan yang bersifat formal dan juga tidak formal. Manakala aktiviti sosial pula adalah seperti gotong royong, mesyuarat, dan seterusnya aktiviti yang berbentuk ekonomi lebih kepada bantuan kewangan, kaunter zakat, pondok waqaf yang dijadikan kedai disekitar kawasan masjid, ruangan kepada keusahawanan yang menjana pendapatan bagi komuniti sekitarnya. Fungsi dan peranan masjid perlu didasari dengan niat untuk memberi manfaat kepada masyarakat sekali gus memartabatkan ajaran Islam (Remly et al., 2019). Masjid

tidak hanya dilihat sebagai satu simbol dalam seni pembinaannya tetapi peranan dan fungsinya yang lebih luas dan seharusnya dijadikan satu sentimen dalam pengukuhan jiwa umat Islam.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Sebaliknya, terdapat kajian ketidakpuasan tentang aktiviti yang di lakukan oleh masjid (Roslan 2003). Antara kelemahan yang telah dikenal pasti adalah seperti ruang aktiviti masjid yang masih sempit, aktiviti masjid yang menghadkan penglibatan segelintir komuniti, pengurusan yang tidak bersepadu, kedudukan kewangan masjid yang tidak kukuh dan prasarana yang masih lagi kurang baik. Kesannya, peranan masjid dilihat sebagai tempat beribadah bagi segelintir komuniti dan tidak mesra kepada kanak-kanak dan golongan belia. Golongan ini hanya melihat masjid sebagai tempat sembahyang Jumaat dan solat berjemaah sahaja. Kedua, antara isu yang menyebabkan masjid hilang tarikannya juga adalah merujuk kepada aktiviti yang dijalankan. Masih terdapat masjid yang masih kurang mengadakan aktiviti yang boleh menarik minat masyarakat (Roslan Mohamed 2008), masjid dipandang sepi oleh golongan belia kerana telah hilang jati diri dan tujuan asalnya. Fenomena ini amat berbeza sekali dengan peranan masjid yang diasaskan oleh baginda Rasulullah SAW (Abg Mohammad Hamberie Abg Azemi dan Hafizul, 2018)

Sementara isu yang dikaitkan dengan ketidak tentuan di dalam pengurusan masjid adalah lebih tertumpu kepada pengurusan masjid keatas dana-dana yang diperolehi. SPRM (2022) telah menggariskan beberapa panduan agar pihak pengurusan masjid memperkemaskan prosedur operasi standard (SOP) dalam aspek pengurusan dana majid kerana ia didapati longgar dan menyebabkan berlakunya ketirisan dalam dana tersebut. Segala bentuk projek yang menggunakan dana masjid perlu dikemaskinikan berdasarkan prosedur dan proses yang telus agar ia tidak disalah guna oleh jawatankuasa majid. Barisan pengurusan masjid yang kurang pendedahan mengenai kepentingan aktiviti pengimarahkan juga memberi impak yang negatif kepada masyarakat (Kristel Kessler 2019). Muhammad Faisal Ashaari dan Firdaus Mokhtar (2018) mendapati terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada ketidakhadiran jemaah ke masjid kerana fungsi masjid yang terhad, masalah individu, kemudahan asas yang tidak sempurna, lokasi yang tidak strategik, kelemahan pihak pengurusan masjid dan tiada tarikan keperibadian imam dan pegawai masjid. Barisan pengurusan masjid memerlukan satu anjakan transformasi dalam personaliti dan mentaliti yang positif dan proaktif dalam menilai keperluan masyarakat serta peduli ummah.

## **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Maka, objektif bagi kajian ini adalah:

- i. mengenalpasti hubungan diantara faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti masjid.

- ii. menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan aktiviti yang dijalankan oleh masjid

#### 4. METODOLOGI KAJIAN

Data kajian diperolehi daripada persampelan bertujuan dan berkadaran dengan melihat kepada komuniti masyarakat setempat. Seramai 150 responden adalah terdiri daripada masyarakat setempat di sekitar bandar seri putra, Kajang. Kajian ini menggunakan persampelan rawak bertujuan kerana spesifikasi responden memenuhi ciri-ciri komuniti keberadaan disektor ekonomi tidak formal disekitar kawasan tersebut. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif primer iaitu mengedarkan soal selidik. Pemboleh ubah keaktifan masjid diukur menggunakan proksi kepada kewujudan jenis aktiviti yang dijalankan selain daripada solat berjemaah dan solat Jumaat. Antara jenis kategori aktiviti seperti program keagamaan, program sosial dan projek ekonomi sekitar. Masjid yang mengajurkan aktiviti pendidikan secara formal dan tidak formal dianggap sebagai masjid yang aktif. Masjid yang menganjurkan aktiviti pendidikan seperti ceramah, kuliah, tazkirah selepas solat fardu dikategorikan sebagai aktif tetapi kekerapan kehadiran dan jumlah kehadiran menentukan bahawa masjid mempunyai tarikan yang tersendiri.

Spesifikasi model dan kaedah analisis didalam kajian ini dianggarkan kebarangkalian wujud hubungan antara faktor keaktifan iaitu aktiviti keagamaan, aktiviti sosial, juga aktiviti ekonomi dan pengurusan masjid terhadap faktor dorongan untuk hadir ke masjid. Justeru, kaedah metodologi analisis kolerasi antara pemboleh ubah diaplikasikan untuk objektif yang pertama, manakala kesan pengaruh setiap pemboleh ubah berkenaan pula diuji dengan menggunakan analisis *Hierachical Multiple Regression*. Analisis ini digunakan untuk menganggarkan kesan pengaruh bagi tiga model yang berlainan hasil daripada pemboleh ubah yang dimasukkan mengikut kesesuaian.

Pengujian menggunakan HLM telah dilakukan pada kajian yang melibatkan variasi faktor pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar (Yukongdi 2017) Model regresi hirarki berganda yang akan diuji adalah seperti berikut:

$$\text{Model: } Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4$$

Dimana Y = Modal sosial

$X_1$  = Program keagamaan

$X_2$  = Program Sosial kemasyarakatan

$X_3$  = Program ekonomi

$X_4$  = Pengurusan masjid

#### 5. DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menguji hubungan antara ketiga-tiga faktor pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi kepuasan dalam menghadiri aktiviti masjid. Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan hubungan kolerasi antara pembolehubah bebas faktor-faktor keaktifan yang terdiri daripada program keagamaan, program sosial kemasyarakatan dan program ekonomi. Hasil mendapati kesemua pemboleh ubah berkolerasi secara positif melebihi nilai 0.2 dan berkolerasi secara signifikan menunjukkan kesemua responden berkongsi ciri-ciri yang sama dalam menyatakan kepuasan program yang diadakan oleh pihak masjid. Program berbentuk sosial dan yang berkonsepkan ekonomi mempunyai korelasi yang paling tinggi masing-masing dengan 0.521 dan 0.524. Manakala program keagamaan mencatatkan hubungan sebanyak 0.464 dan hubungan diantara pengurusan masjid terhadap kepuasan adalah 0.429. Kesemua pemboleh ubah bebas berhubungan secara signifikan terhadap kepuasan peranan masjid dalam pembentukan modal sosial. Kesimpulan hasil daripada sifat kolerasi menunjukkan setiap program yang diadakan oleh pihak masjid samada yang berkonsepkan keagamaan, program sosial kemasyarakatan atau program yang bercorak ekonomi mempunyai hubungan yang tinggi dengan tahap kepuasan peranan masjid oleh komuniti setempat. Begitu juga persepsi masyarakat terhadap pengurusan masjid.

Jadual 1. Kolerasi Antara Pemboleh Ubah

Pembolehubah Bebas	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
(1) Modal Sosial	1				
(2) Agama	.464	1			
(3) Sosial	.521	.785	1		
(4) Ekonomi	.524	.490	.532	1	
(5) Pengurusan Masjid	.429	.530	.505	.461	1

*Nota:* Kesemua pemboleh ubah adalah signifikan pada aras keertian 1%

Seterusnya, Jadual 2, adalah hasil penganggaran kesan pengaruh faktor pembolehubah bebas terhadap modal sosial tentang program yang diadakan oleh masjid. Dengan menggunakan analisis regresi berganda berhirarki, ia menunjukkan keseluruhan model adalah signifikan pada aras keertian 0.05. Pemboleh ubah didalam analisis regresi hirarki terhadap model I ialah faktor agama dan sosial, manakala didalam model II pemboleh ubah yang dicerap adalah faktor ekonomi dan model III ialah pemboleh ubah faktor pengurusan masjid.

Nilai statistic *Durbin-Watson* (Durbin-Watson, 1950) ialah 1.730 di mana ia terletak diantara nilai yang dikategorikan sebagai kebagusan nilai antara 1.5-2.5, manakala nilai *Tolerance* adalah diantara 0.1-1.0 dan seterusnya nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) bagi setiap model ialah diantara 1.3-2.3. Maka, keseluruhan model didapati tiada masalah dalam *multi-collinearity* (Kutner et al., 2004).

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda Hirarki

Mode	Pemboleh Ubah	Adjusted $R^2$	$R^2$ change	F change	Unstandardized coefficients	Standardized coefficients	t
I	<i>Step1</i>	0.276	0.297	77.283*			
	Agama				0.166	0.144	2.095*
	Sosial				0.428	0.408	5.943**
II	<i>Step2</i>	0.354	0.080	49.577*			
	Agama				0.093	0.081	1.233*
	Sosial				0.292	0.278	4.132**
	Ekonomi				0.283	0.337	7.041**
III	<i>Step3</i>	0.365	0.012	7.852**			
	Agama				0.045	0.039	2.925*
	Sosial				0.272	0.259	3.586**
	Ekonomi				0.256	0.304	6.226**
	Pengurusan Masjid				0.147	0.137	2.802**

Nota: n= 150; \* $p<0.05$ , \*\* $p<0.001$

Model I menunjukkan  $Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2$ , iaitu faktor cerapan tetap adalah program keagamaan dan program sosial. Hasil dapatan daripada model 1 menunjukkan pengaruh adalah sebanyak 0.276 (*Adjusted R*<sup>2</sup>), dengan program keagamaan ( $\beta = 0.144, p<0.05$ ) dan program sosial ( $\beta=0.404, p<0.05$ ) mempengaruhi secara signifikan terhadap modal sosial.

Seterusnya model II mendapati  $Y = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3$ , iaitu program ekonomi dimasukkan untuk melihat pengaruh terhadap kepuasan peranan masjid. *Adjusted R*<sup>2</sup>=0.354 dengan program keagamaan ( $\beta =0.081, p<0.05$ ), program sosial ( $\beta=0.278, p<0.05$ ) dan program ekonomi ( $\beta=0.337, p<0.05$ ). Hasil kajian mendapati program ekonomi mempengaruhi tahap kepuasan komuniti terhadap peranan masjid. Ini menjelaskan bahawa program bercorak ekonomi membantu para usahawan muslim sekitarnya untuk menjana ekonomi setempat.

Manakala bagi model III,  $= \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4$ , iaitu faktor pengurusan dimasukkan dalam pengaruh ini dan memberi impak yang lebih signifikan ke atas kepuasan peranan masjid. Dengan *Adjusted R*<sup>2</sup>=0.365, program keagamaan ( $\beta=0.039, p<0.05$ ), program sosial ( $\beta=0.259, p<0.05$ ), ekonomi ( $\beta=0.034, p<0.05$ ) dan pengurusan masjid ( $\beta=0.137, p<0.05$ ), maka jelas menunjukkan pemboleh ubah bebas pengurusan masjid juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kepuasan terhadap peranan masjid.

## 6. KESIMPULAN

Kajian ini adalah salah satu usaha dalam mengukuhkan lagi peranan dan fungsi masjid sebagai satu institusi wadah ilmu dan memperkasa ummah. Masjid tidak lagi terhad kepada pembangunan fizikal sahaja malah ia perlu dikembalikan peranannya sebagai pembangunan jiwa dan jati diri ummah. Antara faktor yang dikaji adalah melalui keaktifan masjid dalam menarik minat sekali gus berdakwah dalam penyebaran ajaran Islam. Kajian mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keterlibatan semua pihak bermula daripada peringkat atasan sehinggalah kepada masyarakat memandang serius perkara yang memberi impak keatas masjid. Walau bagaimana pun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam kajian antaranya adalah kategori dan lokasi keberadaan masjid perlu diambil kira kerana ia melibatkan satu struktur pengoperasian yang berbeza-beza. Malahan faktor demografi adalah sangat berperanan dalam mengatur program-program masjid. Mengeneralisasikan kesemua masjid akan mengakibatkan ketidak seimbangan dalam model penganggaran yang akan dijalankan.

## RUJUKAN

- Abdul Razak, A.M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy E. Y. (2010). Isu Dan Cabaran Institusi Masjid Dalam Pembentukan Sahsiah Remaja Di Era Globalisasi Dan Cadangan Penyelesaiannya.
- Abg Azemi, A. M. H. dan Hafizul. (2018). Kesedaran Jawatankuasa Masjid Terhadap Fungsi Masjid Sebagai Pusat Pengembangan Ilmu: Kajian di Masjid al-Mujahidin, Maludam, Sarawak. *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke 11*, 2018, pp: 111-116.
- Ashaari, M. F. dan Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat Ke Masjid. *Jurnal Hadhari*, 10 (2), pp: 205.
- Chen, X. (2005) "Magic Or Myth? Social Capital and its Consequences in the Asian, Chinese, and Vietnamese Contexts", in Mutz, G. and Klump, R. (eds.) *Modernization and Social Transformation in Vietnam: Social Capital Formation and Institutional Building*. Hamburg: Institut für Asienkunde.
- Christoforou, A. (2005) "On the Determinants of Social Capital in Greece Compared to Countries of the European Union". Fondazione Eni Enrico Mattei (FEEM) Working Paper No. 05/68. Milan: FEEM.
- Easterly, W. and Levine, R. (2001) "It is not Factor Accumulation: Stylized Facts and Growth Models". *World Bank Economic Review* (2001): 177-219.

- Guiso, L., Sapienza, P. and Zingales, L. (2004) "The Role of Social Capital in Financial Development". *CRSP Working Paper No. 511*. Chicago: University of Chicago.
- (2006) "Does Culture Affect Economic Outcomes?" *The Journal of Economic Perspectives*, 20(2): 23–48.
- Kessler, K. (2015). Conceptualizing Mosque Tourism: A Central Feature of Islamic and Religious Tourism. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*. Vol. 3, Issue 2, article 2. pp: 11-32.
- Muttaqin, A.I., & As'adi, M. (2019). Pendampingan Kegiatan Keagamaan di Masjid Al Falah Dusun Desa Siliragung Kecamatan Siliragung Banyuwangi. *Jurnal ABDI KAMI (Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat)*, 1(2), 105-114.
- Noraini, M.N.M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisa Aktiviti Pengajian Keagamaan Di Intitansi Masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119-129.
- Nurdin, Z. (2019). Shalat Tarawih Bagi Perempuan di Masjid Era 4.0. *Nuansa*, 12(2), 268-277. <https://doi.org/10.29300/nuansa.v12i2764>
- Remly, M. R., Abdul Kadir, M.N., Othman, F., Sabaruddin, S.A. (2019). Prinsip al-Imarah dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 28-36.
- Roslan, M. (2004). Memperkasa Masjid Sebagai Institusi Pembangunan Insan. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid*.
- Roslan, M. (2008). Masjid Sebagai Medan Pembangunan Insan. *Jurnal YADIM*.
- Terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih (2002), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, ed. Kelapan.
- Van Schaik, T. (2002) "Social Capital in the European Value Study Surveys". Country paper prepared for the OECD-ONS International Conference on Social Capital Measurement, London, 25-27 September 2002. Tilburg: Tilburg University.
- Yukongdi, Vimolwan. (2017). Entrepreneurial intention: a study of individual, situational and gender differences, *Journal of Small Business and Enterprise Development* Vol. 24 No 2. pp 333-352.